

PENGAJIAN KITAB IHYA' 'ULUMIDDIN kali ke-37
(Karya Hujjatul Islam Imam Al-Ghazali)
Kuliah Maghrib kali ke- 121
Surau An-Nur, Sungai Nyior, Trong, Perak

BAHAYA PERDEBATAN (sambungan)

Sesungguhnya orang-orang yang terkemuka dan yang terkenal pintar dari mereka, tidaklah terlepas dari perkara yang sepuluh itu.

Dan ketahuilah bahawa budi pekerti yang rendah tadi melekat juga pada orang yang bekerja dalam lapangan memberi nasihat dan pelajaran apabila tujuannya mencari kerelaan orang, menegakkan kemegahan, memperoleh kekayaan dan kemuliaan.

Melekat juga pada orang yang bekerja dalam lapangan pengetahuan mazhab dan fatwa-fatwa apabila tujuannya ingin menjadi qhadi, menjadi penguasa harta wakaf dan terkemuka dari teman.

Dari itu maka ulama ada 3, adakalanya membinasakan diri sendiri dan orang lain iaitu mereka yang berterus-terang mencari dunia dan memusatkan seluruh perhatiannya kepada dunia. Adakalanya membahagiakan dirinya sendiri dan orang lain, iaitu mereka yang memanggil manusia ke jalan Allah, zahir dan batin. Dan adakalanya membinasakan dirinya dan membahagiakan orang lain, iaitu orang yang memanggil manusia ke jalan akhirat, tetapi dia sendiri menolak dunia pada zahirnya sedang pada batinnya bertujuan mempengaruhi orang banyak dan menegakkan kemegahan diri.

TENTANG ADAB KESOPANAN PELAJAR DAN PENGAJAR

Adapun pelajar, maka adab kesopanan dan tugasnya yang zahir itu adalah banyak, tetapi perinciannya adalah tersusun dalam 10 rumpun kata-kata.

TUGAS PERTAMA : Mendahulukan kesucian batin dari kerendahan budi dan sifat-sifat tercela. Kerana ilmu pengetahuan itu adalah kebaktian hati, solat batin dan pendekatan jiwa kepada Allah Ta'ala. Sebagaimana tidak sah solat yang menjadi tugas anggota zahir kecuali dengan mensucikan anggota zahir itu dari segala hadas dan najis, maka begitu pulalah tidak sah kebaktian batin dan kemakmuran hati dengan ilmu pengetahuan, kecuali sesudah sucinya ilmu itu dari kekotoran dan kenajisan sifat.

Berfirman Allah Ta'ala : ***“Sesungguhnya orang musyrik itu najis.”*** (Al-Baraah : 28)

Firman Tuhan itu adalah memberitahukan kepada akal fikiran kita bahawa kesucian dan kenajisan tidaklah ditujukan kepada anggota zahir yang dapat dikenal dengan pancaindera. Orang musyrik itu kadang-kadang kainnya bersih, badannya dibasuh, tetapi dirinya najis. Ertinya : Batinnya berlumuran dengan kotoran.

Najis adalah diertikan dengan sesuatu yang tidak suka didekati dan diminta menjauhkan diri daripadanya. Kenajisan sifat batin adalah lebih penting dijauhkan kerana dengan kekotorannya sekarang, membawa kebinasaan pada masa akan datang.

Dari itu Nabi bersabda : ***“Tidak masuk malaikat ke rumah yang di dalamnya ada anjing.”*** (Bukhari, Muslim)

Hati itu adalah rumah, iaitu tempat malaikat, tempat turun pembawaan dan tempat ketetapan dari malaikat.

Sifat-sifat rendah itu seumpama marah, hawa nafsu, dengki, busuk hati, takabur, 'ujub dan sebagainya adalah anjing-anjing yang galak. Maka bagaimanakah malaikat itu masuk ke dalam hati yang sudah penuh dengan anjing-anjing?

Sinar ilmu pengetahuan tidaklah dicurahkan oleh Allah Ta'ala ke dalam hati, selain dengan perantaraan malaikat.

“Dan tidaklah patut bagi seorang manusia bahawa Allah akan berbicara kepadanya kecuali dengan perantaraan wahyu atau dari belakang tabir atau dengan mengutus utusan (malaikat) lalu diwahyukan kepadanya dengan izinNya apa yang Dia kehendaki.”
(Asy-Syura : 51)

Demikianlah kiranya, tidak dikirimkan Allah rahmat dari ilmu pengetahuan itu kepada hati. Hanya malaikatlah yang mengurus, mewakili membawa rahmat itu. Para malaikat itu qudus suci, bersih daripada segala sifat yang tercela. Tidak ada perhatian mereka selain kepada yang baik.

Aku tidak mengatakan bahawa yang dimaksud dengan “rumah” dalam hadits yang di atas tadi iaitu hati, dan dengan “anjing” iaitu marah dan sifat-sifat tercela yang lain. Tetapi aku mengatakan itu adalah peringatan kepada hati, dan suatu perbezaan antara kata-kata zahir yang menunjukkan kepada batin, dan peringatan kepada batin dengan menyebutkan kata-kata zahir serta tetap pada kezhahirannya. Golongan ahli kebatinan mengadakan perbezaan dengan pengertian yang halus tadi.

Maka inilah jalan tamsil ibarat, jalan yang ditempuh oleh para 'alim ulama dan orang baik-baik, kerana pengertian dari tamsil ibarat iaitu mengambil ibarat dengan apa yang diterangkan kepada orang lain, tidaklah untuk orang itu sahaja. Seumpama seorang yang berfikiran waras melihat bahaya yang menimpa orang lain, maka menjadi tamsil ibaratlah baginya, sebagai suatu peringatan bahawa dia pun mungkin pula ditimpakan bahaya tersebut.

Maka mengambil ibarat dari orang lain untuk diri sendiri dan dari diri sendiri kepada asalnya dunia ini, adalah suatu tamsil ibarat yang terpuji.

Maka anda ambil jugalah menjadi ibarat dari rumah, iaitu pembangunan dari manusia, kepada hati, iaitu sebuah rumah yang dibangun oleh Tuhan. Dan dari anjing yang dicela kerana sifatnya bukan kerana bentuknya, iaitu padanya terdapat kebuasan dan kenajisan, kepada jiwa keanjingan, iaitu sifat kebuasan.

Ketahuilah bahawa hati yang dipenuhi dengan kemarahan, loba kepada dunia dan bersifat anjing mencari dunia dengan rakus, dengan mengoyak-ngoyak kepentingan orang lain adalah anjing dalam erti dan hati dalam bentuk. Orang yang bermata hati memerhatikan erti, bukan bentuk.

Bentuk dalam dunia ini mengalahkan erti. Dan erti, tersembunyi dalam bentuk. Di akhirat, bentuk itu mengikuti erti dan ertilah yang menang. Dari itu, masing-masing orang dibangkitkan dalam bentuknya yang ma'nawi.

Jikalau anda mengatakan bahawa banyaklah pelajar yang rendah budi memperoleh pengetahuan, maka tahulah anda kiranya bahawa alangkah jauhnya ilmu itu dari ilmu yang sebenarnya, yang berguna di akhirat, yang membawa kebahagiaan.

Berkata sebahagian mereka : *“Sesungguhnya ilmu itu ialah takut kepada Allah,”* kerana firmanNya : ***“Sesungguhnya yang takut kepada Allah dari para hamba-Nya ialah ulama.”*** (Fathir : 28)

Dari itu berkata sebahagian ulama muhaqqiqin, bahawa erti perkataan mereka : *“Kami pelajari ilmu bukan kerana Allah, maka seganlah ilmu itu selain kerana Allah,”* bahawa ilmu itu segan dan tidka mahu kepada kami. Maka tak terbukalah hakikatnya kepada kami. Hanya yang ada bagi kami ialah ceritera dan kata-katanya sahaja.

..... bersambung ke Adab Kesopanan Pelajar yang ke-2.

MAKLUMAN

Ingin mendengar/menonton kuliah-kuliah syarah kitab Ihya' 'Ulumiddin yang lepas-lepas?

Semua siri kuliah kitab Ihya' 'Ulumiddin di surau ini boleh didengar semula di internet di:

1. Youtube (taipkan "syarah ihya").
2. Laman <http://syarahihya.blogspot.com/>
3. Laman AlMuttaqinTv bawah Yayasan Islam Kedah.

Sehingga kini kita sudah ada **241 fail** kuliah Syarah Ihya' 'Ulumiddin di internet (di Youtube). Setiap satunya sepanjang lebih kurang 8 minit. Terdapat 99 fail audio dan 117 fail video. Selamat mengambil manfaat.

